

08/07/2000

Umno penuhi keperluan rakyat pelbagai kaum

KUALA LUMPUR, Jumaat - Umno bukanlah sebuah parti statik dan menolak perubahan seperti yang didakwa masyarakat asing sebaliknya sentiasa bergerak sejajar dengan matlamatnya memenuhi keperluan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Kesal dengan dakwaan Barry Wain dalam artikelnya yang bertajuk Suharto Malaysia, Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Azmi Khalid berkata, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga bukanlah seseorang yang menolak perubahan sebaliknya seorang reformis, bertujuan memajukan parti, bangsa dan negaranya.

Sambil menyifatkan dakwaan penulis itu sebagai keterlaluan dan tidak seimbang. Beliau berkata, Dr Mahathir sering mengingatkan ahli parti supaya belajar daripada kesilapan, menerima kritikan dan melakukan perubahan bagi memastikan kesinambungan perjuangan parti.

Menjawab dakwaan penulis itu menerusi ruangan Surat Kepada Pengarang akhbar The Asian Wall Street Journal, beliau berkata Umno adalah sebuah parti yang sentiasa peka dengan keadaan dan kehendak semasa rakyat.

"Usaha Umno selama ini berjaya membawa pelbagai perubahan positif kepada negara dan masyarakat. Bagaimanapun, rakyat kini menginginkan perubahan. Mereka inginkan sebuah kerajaan yang mendengar.

"Untuk itu, kepimpinan Umno sedar akan pentingnya `persembahan'. Umno perlu dipersembahkan kepada rakyat sebagai sebuah parti yang memenuhi kehendak rakyat," katanya.

Azmi yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata Umno sering menggambarkan sebagai sebuah kerajaan yang beretika dan telus.

Beliau berkata, seseorang itu pasti akan lebih menghargai Dr Mahathir dan Umno jika mereka benar-benar mengkaji serta memahami suasana politik dan kehidupan ahli politik di negara ini.

Katanya, Umno bukan sekadar parti politik tetapi juga jurutera sosial yang berjaya, terutama dalam memastikan kekayaan negara dikongsi bersama serta mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin pelbagai bangsa.

(END)